

15/10/1997

Som selesai proses kertas cadangan

PETALING JAYA, Selasa - Mesyuarat Pegawai Kanan (Som) Ekonomi Asean yang tamat hari ini berjaya menyelesaikan proses penyediaan kertas cadangan mengenai hubungan forum itu dengan pelbagai institusi lain seumpamanya.

Berikutan tiada sebarang perkara berbangkit perlu ditangani dalam proses penyediaan dokumen itu, mesyuarat Som yang dijadualkan tamat petang ini, selesai lebih awal iaitu pada tengah hari lagi.

Pegawai berkata, mesyuarat Som hari ini berjalan lancar dengan semua perwakilan dari negara anggota Asean memberikan kerjasama serta komitmen kukuh terhadap resolusi yang dibentangkan.

Kertas cadangan itu, antara lain menggariskan asas bentuk kerjasama di antara Asean dengan Jepun, negara Hubungan Rapat Ekonomi (CER) dan Majlis Pembangunan Serantau Afrika Selatan (SADC).

CER membabitkan Australia dan New Zealand, manakala SADC dianggotai negara di selatan Afrika termasuk Afrika Selatan, Tanzania, Angola, Botswana, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia dan Swaziland.

Kertas cadangan yang disediakan Som itu akan dikemukakan kepada Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29, yang bermula di sini, Khamis ini.

Ia akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Som juga sepakat mencari strategi jangka panjang baru bagi menangani masalah ketidakseimbangan dagangan Asean-Jepun yang berpihak kepada negara maju itu.

Seorang diplomat Asean berkata, organisasi itu perlu mewujudkan satu platform bagi menggantikan mekanisme membuat keputusan secara ad-hoc yang diamalkan selama ini bagi menangani ketidakseimbangan itu.

(END)